

lokal

HM 30/9/23 p 5

Jalan Sungai Besi ditutup berperingkat mulai 2 Oktober

Kuala Lumpur: Ranca-nungan bagi menutup Jalan Sungai Besi menghala ke Sungai Besi/ Petaling Jaya (berhadapan Fraser Business Park) dan Bulatan Loke Yew kepada semua lalu lintas secara berperingkat mulai 30 September ini hingga 29 September 2024 ditangguhkan kepada 2 Oktober hingga 1 Oktober 2024.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan semalam berkata, penutupan jalan itu bertujuan membolehkan kerja-kerja pelebaran, pengubahsuaian dan pembinaan jambatan di Bulatan Loke Yew dijalankan.

"Pentadbiran DBKL melantik Tetuan Pertama

Makmur Sdn Bhd untuk melaksanakan kerja-kerja bagi melebarkan Jalan Yew yang bermula pada Oktober 2021 dan dijangka siap pada 31 Dis 2025, dan kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan di tapak," menurut kenyataan itu, semalam.

Sehubungan itu, pengguna jalan raya boleh menggunakan beberapa lengcongan trafik yang disediakan.

Trafik dari Bulatan Kampung Pandan untuk ke Sungai Besi/ Petaling Jaya akan dilengcongkan kepada dua bahagian iaitu satu laluan melalui jalan bersebelahan Federal Bakery dan satu laluan memasuki laluan kontra di lorong bersebelahan.